

SHTI ditubuhkan pada 1600 untuk menjalankan perdagangan dan meluaskan jajahan di timur.

1. **Pertapakan SHTI di Pulau Pinang** (kurun -18)

a. **Pulau Pinang menjadi pangkalan**

SHTI (kerana kedudukan yang strategik di tengah-tengah laluan perdagangan).

SHTI memerlukan Pulau Pinang sebagai:

i. **Pusat mengumpul barang. SHTI**

memerlukan emas, perak, bijih timah dan lada hitam dari Tanah Melayu untuk menukarkan teh dari Negara China.

ii. **Pelabuhan Persinggahan**

mendapatkan bekalan air, makanan dan kemudahan membaiki kapal. Juga merupakan tempat sementara menunggu peralihan angin monsun.

iii. **Pangkalan tentera** untuk menyekat pengaruh Perancis (mempertahankan petempatan British di India daripada serangan Perancis. British dan Perancis bersaing untuk menguasai India).

2. **Kedah meminta bantuan tentera British untuk:-**

- i. menghadapi penentangan dan pemberontakan dari **dalam negeri (pemberontakan kerabat diraja)**
- ii. **luar negeri** (ancaman Bugis, Burma dan Siam)
- untuk **mengekalakan kedaulatan negeri.**

a. **Ancaman Bugis**

- i. **1770** – Perebutan takhta berlaku menyebabkan campur tangan Bugis.

b. **Ancaman kerabat diraja**

- i. Sultan Muhammad Jiwa menghadapi **pemberontakan kerabat diraja** Kedah apabila melantik Tunku Abdullah bukan anak gahara (bukan dilahirkan oleh

isteri keturunan raja) sebagai warisnya menjadi Raja Muda.

- ii. Kerabat diraja berpakat dengan Raja Haji (orang Bugis di Selangor) menyerang dan menawan Kuala Kedah serta Alor Setar.
- iii. Sultan Muhammad Jiwa berundur ke Kangar, Perlis dan meminta bantuan tentera daripada Firma Jourdan Sullivan and de Souza untuk mengembalikan kedaulatan Kedah.
- iv. **1771** – Francis Light dihantar tetapi perjanjian **dibatalkan** oleh Sultan Muhammad Jiwa apabila firma enggan memberikan bantuan ketenteraan untuk menyerang Bugis di Selangor.

c. **Ancaman Siam**

- i. Kedah diancam oleh Siam untuk menghantar bunga emas, wang dan tenaga manusia.

d. Peluang British terbuka apabila Sultan Kedah, Abdullah menawarkan Pulau Pinang untuk:

- i. **mendapatkan bantuan tentera** British
- ii. **mengekalakan kedaulatan / kemerdekaan** Kedah daripada ancaman Siam.

3. **Tipu Helah Francis Light bagi mendapatkan Pulau Pinang**

- a. i. SHTI mendapat Pulau Pinang bagai “pucuk dicita, ulam mendatang.”
- ii. Francis Light **menggunakan tipu muslihat**/janji perlindungan tentera kosong/menanam tebu di tepi bibir untuk memperolehi Pulau Pinang.
- iii. **Iktibar:** Bijak mengelakkan **penjajahan asing.**
- iv. **Perjanjian Inggeris-Kedah 1786** ditandatangani antara Francis Light

dengan Sultan Abdullah (kerana British bimbang Kedah akan dapat bantuan luar).

- SHTI mesti membantu Kedah jikalau Kedah diserang musuh.
- SHTI tidak boleh melindungi musuh Kedah.
- SHTI mesti membayar pampasan sebanyak 30 ribu dolar Sepanyol kepada Sultan.

- v. Pertapakan kuasa British
 - British menduduki Pulau Pinang dan Pulau Pinang digelar Prince of Wales Island dan petempatan British digelar Georgetown.

[Bermulalah penjajahan kuasa asing]

[Iktibar: Bijak mengelakkan penjajahan]

b. **SHTI memungkir janji apabila Siam menyerang Kedah.**

- i. Francis Light mungkir janji dan enggan memberi bantuan tentera kerana hendak menjaga kepentingan hubungan perdagangan dengan Siam.
- c. Sultan Abdullah murka lalu menggunakan kekerasan, mengumpul angkatan laut di Seberang Perai untuk mengusir Francis Light dan merampas Pulau Pinang semula dengan bantuan tentera **Riau, Siak dan Selangor.**
- d. Francis Light dengan bantuan tentera British menewaskan Sultan Abdullah terlebih dahulu setelah mengetahui rancangan baginda. Sultan Abdullah dipaksa mendatangi **Perjanjian Persahabatan dan Keamanan Inggeris-Kedah 1791.** Akibatnya,
 - i. Pulau Pinang diserahkan secara rasmi kepada SHTI.
 - ii. SHTI membayar 6000 dolar Sepanyol setahun.
 - iii. George Leith dilantik menjadi Gabenor Pulau Pinang yang pertama.

4. **Kesannya, SHTI mengambil Seberang Prai**

- a. SHTI memerlukan Seberang Perai sebagai-
 - i. Benteng ketahanan melindungi Pulau Pinang.
 - ii. Tanah subur untuk bercucuk tanam menampung keperluan makanan di Pulau Pinang.
- b. SHTI dengan **Gabenor George Leith mendesak** Sultan Dziauddin menandatangani **Perjanjian Persahabatan dan Perikatan 1800** untuk mengambil Seberang Prai (kerana Baginda memerlukan bantuan tentera).
 - i. Seberang Prai digelar Province of Wellesly dan SHTI membayar 10,000 dolar Sepanyol setahun bagi Pulau Pinang dan Seberang Prai.
- c. SHTI hanya menanam tebu di tepi bibir untuk memberi bantuan tentera melindungi Kedah. Akhirnya Kedah ditakluki Siam dan British tidak membantu Kedah untuk menjaga hubungan baik dengan Siam.



- e. **Perjanjian Burney 1826** antara Henry Burney dengan Raja Siam di Bangkok.
 - i. British **mengiktirafkan** Kedah sebagai hak jajahan Siam.
 - ii. Sultan Kedah tidak dibenarkan menetap di Kedah, Pulau Pinang, Seberang Prai, Selangor dan Burma(Sultan Kedah kehilangan takhta)
 - iii. British tidak akan membantu Kedah menyerang Siam dan jajahan takluk Siam.

- iv. Siam mengiktirafkan pendudukan British di Pulau Pinang dan Seberang Prai.
 - v. British bebas berdagang di Kelantan, Terengganu dan Kedah.
- 5. Pertapakan SHTI di Singapura**
- a. SHTI gagal memajukan Pulau Pinang kerana kedudukan Pulau Pinang jauh ke utara Selat Melaka.
 - i. Perang Napoleon meletus di Eropah (1793-1814) dan Belanda ditakluk oleh Perancis
 - ii. Raja Belanda menandatangani **Surat-surat Kew(1795)** menyerahkan semua tanah jajahannya di Timur kepada British sehingga Perang Napoleon tamat supaya **tidak dirampas / ditakluki Perancis**.
 - iii. Kesannya, British menduduki jajahan Belanda di Timur.
 - iv. Selepas Perang Napoleon tamat, 1818 British terpaksa mengembalikan Melaka dan Betawi kepada Belanda semula.
 - v. Kedudukan Pulau Pinang dan Bangkahulu yang tidak strategik dan tidak dapat menyaingi Belanda di Melaka.
 - vi. Akibatnya, kepentingan perdagangan British terjejas, Stamford Raffles dan William Farquhar ditugaskan untuk mencari pelabuhan baru di Palembang, Aceh dan Riau untuk menyaingi Belanda di Melaka.
 - b. **Singapura pangkalan perdagangan yang strategik.**
 - i. Stamford Raffles menjumpai Singapura yang lebih berharga daripada sebuah benua.
 - ii. Alasan Raffles mengambil Singapura :
 - a. Kedudukan Singapura **strategik** di Selat Melaka dan Selat Sunda (dapat mengawal laluan perdagangan timur dan barat)
 - b. Sesuai sebagai **pelabuhan bebas** untuk menyekat monopoli perdagangan Belanda di Melaka dan Betawi.
 - c. **Taktik Raffles mengambil Singapura**
 - i. Temenggung Abdul Rahman, pemerintah Singapura dipaksa dengan angkatan tentera British untuk menandatangani Perjanjian **1819** dengan Raffles untuk membenarkan British bertapak di Singapura.
 - ii. Syarat perjanjian ialah:
 - a. SHTI melindungi Temenggung Abdul Rahman.
 - b. SHTI membayar 3000 dolar Sepanyol setahun.
 - iii. Perjanjian ini **tidak sah** kerana tidak diiktiraf oleh Sultan Abdul Rahman yang dibawah pengaruh Belanda.
 - iv. Raffles menggunakan muslihat **menabalkan Tengku Hussein** sebagai sultan yang sah **untuk menguasai Singapura**. Sultan Hussein **menandatangani** perjanjian untuk mendapat kembali hak menjadi Sultan Johor.
 - d. **SHTI mencengkam Singapura**
 - i. Tengku Hussein dilantik sebagai Sultan Johor.
 - Raffles membuat perjanjian 1824 dengan **Sultan Hussein, Temenggung Abdul Rahman dan John Crawfurd**.
 - ii. Sultan Hussein kehilangan kuasa pentadbiran dan hak memungut cukai **ke atas Singapura**.
 - iii. British berkuasa penuh ke atas Singapura (John Crawfurd menjadi Residen Singapura yang pertama secara rasmi).
 - e. Singapura berkembang maju tetapi Belanda membantah pembukaan Singapura oleh Raffles dan **mendakwa**:
 - i. Singapura menggugat Betawi

- ii. Singapura terletak di dalam lingkungan pengaruh Belanda.

6. Masalah Pewarisan Takhta Kerajaan Johor



7. a. Perjanjian Inggeris-Belanda / Persetiaan London – 1824

menyelesaikan pertikaian British dan Belanda dengan **pembahagian kawasan pengaruh** Kepulauan Melayu, Empayar Johor-Riau terbahagi kepada dua lingkungan pengaruh. Pihak Barat diutamakan daripada rakyat tempatan.

(**Iktibar:** kita perlu berhati-hati / berwaspada terhadap kuasa asing).


Syarat perjanjian:

- i. Belanda mengiktirafkan petempatan British di Singapura.

- ii. Belanda tidak akan membuka petempatan baru di Tanah Melayu.
- iii. British memperolehi Melaka dengan menukarkannya dengan Bangkokulu.
- iv. British tidak akan membuka petempatan baru ke selatan Singapura seperti Maluku, Jawa, Riau atau Sumatera.
- v. British meluaskan pengaruhnya ke Tanah Melayu tanpa gangguan Belanda.
- vi. British dan Belanda bekerjasama menghapuskan lanun.

8. Penubuhan dan Pentadbiran Negeri-negeri Selat 1826.

- a. Kemudian Pulau Pinang, Melaka dan Singapura disatukan dan dikenali sebagai Negeri-negeri Selat (NNS) **untuk:**
 - i. **menyeragamkan** dan mengukuhkan pentadbiran.
 - ii. **menjimatkan perbelanjaan.**
- b. **1832** – Ibu negeri NNS yang pertama, Pulau Pinang dipindah ke Singapura kerana **kedudukan Singapura lebih strategik**, menguntungkan dan **lebih maju.**
- c. NNS diperintah oleh Gabenor NNS dibawah arahan Gabenor Jeneral di India dan dibantu oleh Residen Konsuler di setiap negeri.



- d. **1867** Pusat pentadbiran NNS di India dipindah ke Pejabat Tanah Jajahan di London. (NNS menjadi **tanah jajahan British**) kerana :

- i. SHTI di India mengabaikan kebijakan NNS.
- ii. Taraf pelabuhan bebas Singapura dihapuskan
- iii. Kedatangan imigran Cina tidak dikawal.
- iv. Huru-hara pergaduhan kongsi gelap dan masalah lanun berleluasa.
- v. Pengenalan Akta Mata Wang **1855** (wang dolar Sepanyol diganti dengan wang rupee India yang merugikan).
- vi. NNS menjadi tempat pembuangan banduan dari India.
- vii. Sistem perundangan tidak sesuai.
- viii. Pegawai yang dihantar tidak cekap.
- e. Selepas perpindahan, **Majlis Perundangan** ditubuhkan untuk membolehkan NNS meluluskan undang-undang sendiri.

TINGKATAN 2

BAB 2 KEKAYAAN HASIL BUMI MENDORONG CAMPUR TANGAN BRITISH


1. Dasar Campur Tangan British di Negeri-Negeri Melayu

a. Faktor-faktor campur tangan British di Negeri – negeri Melayu (menerusi sistem Resident)

- i. Menguasai kekayaan hasil bumi negeri-negeri Melayu (**B. Timah**) di Lukut, Ampang, Taiping, Klang.
- ii. Revolusi perindustrian memerlukan **bahan mentah** dan **pasaran** untuk hasil kilangnya. (**Iktibar**: berwaspada dengan kuasa asing)
- iii. **Terusan Suez memendekkan** jarak dan ciptaan kapal wap dapat **mempercepatkan** perjalanan **jauh** dan membawa **muatan yang banyak** (mengakibatkan persiangan kuasa Barat, peningkatan perdagangan dan pengeksploitasi hasil bumi).
- iv. Bimbang / menyekat kemaraan dan perluasan kuasa Eropah yang lain.
- v. Pertukaran kerajaan mengubah dasar British (**Parti Konservatif** yang mengambil-alih pucuk pimpinan kerajaan Britain daripada **Parti Liberal**, menukarkan dasar tidak campur tangan kepada dasar campur tangan.)
- vi. Desakan 243 pedagang NNS untuk **melindungi pelaburan** mereka daripada ketidakstabilan politik di Tanah Melayu.
- vii. Mengamankan pertelingkahan pembesar, rebutan takhta, kekacauan dan pergaduhan kongsi gelap. (**Iktibar**: Bersatu-padu asas kestabilan negara)
- viii. Memperkenalkan satu bentuk pentadbiran yang cekap / Sistem Residen.

2. Keadaan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang memberi peluang kepada British untuk campur tangan.

- a. **Ketidakstabilan di Perak** (campur tangan British kerana permintaan Raja Abdullah untuk mengiktirafkan baginda sebagai Sultan.)
 - i. **Sistem Perwarisan Takhta Perak (kurun-19)** – mengamalkan **Sistem Penggiliran**



[Masalah perebutan takhta berlaku kerana **sistem pewarisan takhta tidak diikuti**. Raja Bendahara Ismail melangkaui naik menjadi Sultan. Manakala Raja Muda Abdullah diketepikan.]

ii.

Perak (huru-hara)

Sultan Ali
(mangkat) 1871
rebutan takhta

iii. **Perang Larut**

- pergaduhan kongsi gelap **Ghee Hin** dan **Hai San** yang merebut kawasan perlombongan B. Timah. (Perlombongan Bijih Timah terjejas)
- Menteri Besar Larut, Ngah Ibrahim, meminta Kapten Speedy (penolong Residen) membawa tentera untuk menamatkan kekacauan (pergaduhan Kongsi Gelap) di Larut.

iv.



v. **Sir Andrew Clarke**

- menjemput pembesar-pembesar Melayu dan ketua-ketua kongsi gelap Cina ke **Perjanjian Pangkor 1874** di atas kapal H.M.S Pluto untuk menamatkan kekacauan di Perak.
- Andrew Clarke setuju mengiktirafkan baginda Raja Abdullah sebagai Sultan kerana baginda bersedia menyerahkan sebahagian kuasa kepada British / Residen.

vi. Pembesar yang hadir ialah Raja Abdullah, Ngah Ibrahim dan Dato Sagor.

- Sultan Ismail tidak hadir kerana lewat menerima surat jemputan.

vii. **Perjanjian Pangkor 1874** (menyelesaikan masalah, memulihkan keamanan Perak dan menandakan bermulalah penguasaan British secara langsung ke atas pentadbiran dan ekonomi **bijih timah** di Perak.

Kesannya:

- **Raja Abdullah** dilantik sebagai Sultan Perak.

- **Raja Ismail** turun takhta menjadi Raja Muda.
- **J.W.W Birch** menjadi Residen Perak. (bermula lah pertapakan pengaruh asing)
- Kapten Speedy menjadi Penolong Residen.

viii. **Syarat Perjanjian Pangkor**

- Residen, penolong Residen, Sultan dan pembesar dibayar gaji tetap. (**Sultan dan pembesar kehilangan hak memungut cukai dan kuasa pentadbiran**).
- Ngah Ibrahim** kekal sebagai Menteri Larut dan menerima penolong Residen Kapten Speedy
- Tugas seorang Residen** ialah:
 - untuk menasihati Sultan dalam semua perkara pentadbiran kecuali adat istiadat dan agama Islam. Residen berkuasa melantik Pemunggut dan Majistret untuk memungut cukai
- Residen **tidak disukai** kerana:
 - Sultan dan pembesar kehilangan kuasa pentadbiran dan kutipan cukai
 - Residen menghapuskan adat perhambaan/campur tangan dalam adat istiadat Melayu.

b. **Perang Klang (yang kaya dengan B.Timah) di Selangor**

Campur tangan British dengan pelantikan Residen J.G Davidson atas alasan:

- sebuah kapal British dirompak oleh lanun dekat Kuala Langat
- rumah api Tanjung Rochado British diserang oleh lanun.




ii. **Tengku Kudin** (menantu Sultan Abdul Samad)

- putera diraja Kedah
- membantu Raja Ismail

- dilantik sebagai wakil Sultan Abdul Samad untuk **mentadbir, memajukan Selangor dan menamatkan Perang Klang**
 - Tidak disukai oleh pembesar Selangor kerana bukan anak negeri Selangor.
 - Meminta bantuan kapal perang British H.M.S Rinaldo untuk menewaskan Raja Mahadi dan **menamatkan Perang Klang.**
- iii. **1873** – sebuah kapal dagang British dalam perjalanan dari Pulau Pinang ke Melaka telah dirompak oleh lanun dekat Kuala Langat.
- iv. **1874** – Rumah api Tanjung Rachado British diserang oleh lanun.
- v. British campur tangan dengan alasan ini untuk mendesak Sultan Abdul Samad menerima:
- **J.G.Davidson** sebagai Residen dan **Frank Swettenham** sebagai penolong Residen.
- c. **Perbalahan di Sungai Ujong, Negeri Sembilan**
- i. Daerah Sungai Ujong kaya dengan B.Timah.
 - ii. Sungai Linggi di daerah Sungai Ujong ialah jalan utama ke pelabuhan Melaka.
 - iii. Campur Tangan British kerana **permintaan Dato Kelana.**
 - iv. Pembesar yang menguasai Sungai Linggi akan kaya memungut cukai ke atas kapal bijih timah yang melaluinya.

Persengketaan di Sungai Ujong

(rebutan kuasa / hak memungut cukai di Sungai Linggi)




- vi. **Dato Kelana** meminta British menyerang **Yamtuan Antah** untuk merebut kawasan Terachi
- vii. **1876** – **Yamtuan Antah** berdamai dengan British lalu diiktiraf oleh British sebagai **Yamtuan Besar Seri Menanti.**
- viii. British kemudian menguasai daerah:
- **Rembau** pada 1883
 - **Jelebu** pada 1886
 - **Sri Menanti** pada 1889
- } dan menempatkan **pegawai Majistret** dan **Pemungut Hasil** (Pegawai Daerah) untuk **mengutip cukai**
- ix. **1895** British menggabungkan semua daerah dan membentuk persekutuan Negeri Sembilan (Negeri Persekutuan yang pertama).
- Tunku Muhammad ibni Yamtuan Antah (Yamtuan Sri Menanti) dilantik sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.
 - **Martin Lister** menjadi Residen British di Negeri Sembilan.

d. **Pahang**

- i. **Campur tangan British kerana bimbangkan pertapakan kuasa Eropah lain.**
- ii. **Campur tangan British dengan alasan seorang pedagang Cina, bangsa British bernama Goh Hui terbunuh di Pekan.**
- iii. Pahang ialah negeri Melayu terakhir menerima Residen British kerana **perlembagaan negeri digubal.**
- iv. Baginda Sultan Ahmad membawa masuk pelabur-pelabur Eropah untuk
 - a. memajukan ekonomi Pahang
 - b. menyekat peluasan kuasa British.
- v. Tindakan ini tidak disenangi British kerana menjejaskan kepentingan British di Pahang.
- vi. **1887** – British meminta Sultan Abdul Bakar, Johor untuk **memujuk** Sultan Ahmad menerima pengaruh British. Hasilnya, Sultan Ahmad diiktirafkan oleh British dan **Hugh Clifford** dilantik sebagai **wakil British tetapi kuasanya terhad.**
- vii. **1888** – Seorang pedagang British Cina, bangsa British bernama **Goh Hui** terbunuh dekat istana Sultan Ahmad di Pekan.
 - Kebangkitan Rakyat / Penentangan Dato BahamanBritish menggunakan alasan ini untuk **memaksa** / mengugat Sultan Ahmad menerima Residen British kerana Sultan Ahmad tidak mampu mewujudkan ketenteraman.
 - Kesannya, **J.P.Rodger** menjadi Residen British dan **pengaruh British meluas ke Pahang.**

3. **British membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk mengatasi kelemahan sistem Residen dan menyeragamkan pentadbiran atas cadangan Frank Swettenham.**

a.





b. **Kelemahan Sistem Residen**

- i. Residen tidak diberi panduan jelas untuk menjalankan tugas. **Residen bertindak sebagai pentadbir.** Residen terlalu berkuasa dan tidak dapat dikawal oleh Gabenor NNS.
 - ii. **Pentadbiran setiap negeri tidak seragam** kerana mempunyai undang-undang tersendiri.
 - iii. Residen mencampuri adat istiadat Melayu dan menghapuskan amalan perhambaan.
 - iv. Residen memperkenalkan cukai baru.
- c. **Faktor Lain Penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu**
- i. **Menjimatkan** bayaran perkhidmatan pakar secara perkongsian.
 - ii. **Mengukuhkan pertahanan tentera** dan keselamatan dan menyeragamkan pentadbiran (satu unit politik).
 - iii. Memajukan sistem perhubungan jalan raya di antara negeri.
 - iv. Mengatasi krisis kewangan Pahang dengan gabungan sumber Perak dan Selangor yang kaya untuk membantu Pahang (Pahang menanggung hutang yang banyak akibat kebangkitan rakyat / mengagihkan sumber kekayaan).
 - v. Mengurangkan kuasa Residen.
- d. **1896** – Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang **disatukan menjadi NNMB / Persekutuan 1896(mewujudkan satu unit politik)**
Syarat Perjanjian Persekutuan:

- i. Raja-raja bersetuju mengabungkan negeri-negeri mereka dan menerima **Residen Jeneral** (Frank Swettenham) untuk mengurangkan kuasa Residen.
- ii. Raja-raja bersetuju menerima nasihat Residen Jeneral kecuali agama Islam dan adat istiadat Melayu.
- iii. Raja-raja bersetuju membantu negeri-negeri yang memerlukan bantuan seperti Pahang(mengagihkan sumber kekayaan).
- iv. Residen Jeneral bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Tinggi NNMB dan juga menjadi Gabenor NNS.
- v. Rasiden dikawal oleh Resident Jeneral.
- vi. **Akibat penubuhan NNMB, Raja kehilangan kuasa** kepada Residen Jeneral.
(**Iktibar** : Berhati-hati dengan kuasa asing)

e.



4. **Pembentukan Persekutuan mencabar Kewibawaa Sultan (Raja kehilangan kuasa)**

- a. **1897** – **Dubar** ialah Persidangan Raja-raja Melayu. Memberi **peluang kepada Raja-raja Melayu untuk berbincang dengan British** (menyuarakan rasa tidak puas hati untuk mengatasi masalah kehilangan kuasa Raja-raja Melayu kepada Residen Jeneral.)
- b. **Dubar** – Persidangan antara Pesuruhjaya Tinggi, Raja-raja Melayu, Residen Jeneral dan 4 orang Residen (membincangkan adat istiadat Melayu, agama Islam dan kebajikan orang Melayu).

- c. **1897** – **Dubar pertama** di Kuala Kangsar - membincangkan hal-ehwal, adat dan kepentingan orang Melayu.
- d. **1903** – **Dubar kedua** di Kuala Lumpur
 – **Sultan Idris I** – **mengkritik** pemusatan kuasa di tangan Residen Jeneral.
 II – mendesak agar **kuasa raja-raja Melayu dikembalikan** / pemulihan kuasa raja.
 III – mendesak agar bilangan **pegawai Melayu** ditambah.
 IV – mengiktirafkan **bahasa Melayu** sebagai bahasa rasmi.
- e. **1909** – Akibatnya kritikan Sultan Idris, **NNMB** digantikan dengan **Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP)** manakala **Residen Jeneral** diganti dengan **Ketua Setiausaha**.

f.

NNMB 1896	→	Selepas kritikan Sultan Idris dalam Dubar 1903	→	MMP 1909
Residen Jeneral (berkuasa) Raja Melayu (hilang kuasa)				Ketua Setiausaha Raja Melayu (dipulihkan kuasa)

TINGKATAN 2 BAB 3 NEGERI-NEGERI MELAYU UTARA DAN JOHOR BENTENG KESELAMATAN BRITISH

1. **Negeri-negeru Melayu Utara (NNMU) Penampakan Keselamatan British di Tanah Melayu**
- a. Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu menghantar bunga emas kepada Siam sebagai:
- tanda persahabatan
 - mengeratkan hubungan perdagangan
 - untuk mengelakkan campur tangan Siam. (dibawah naungan Siam) menjamin keselamatan.
- b. Siam menganggap penghantaran bunga emas kepada Siam sebagai **tanda ketuanan**.
- c. Pada akhir kurun ke-19, zaman imperialisme baru telah muncul dan mencabar keunggulan British kerana masing-masing **hendak merebut kekayaan bahan mentah** dan tanah jajahan di Asia Tenggara.
- d.
- | Kuasa Imperialis | Kawasan yang Ingin Dikuasai |
|-----------------------------|---|
| i. Rusia | Ingin membuka petempatan di Ujung Salang. |
| ii. Jerman | Ingin mendapatkan Pulau Langkawi. |
| iii. Perancis | Ingin membuka terusan di Segenting Kra yang mengancam perdagangan British di Singapura. |
| iv. Amerika Syarikat | Ingin meluaskan pengaruh di Terengganu. |
- e. Desakan saudagar-saudagar dan pegawai-pegawai British di Negeri-negeri Selat untuk mengelakkan peluasan kuasa barat yang lain.
- f. Ini mendorong British untuk mengukuhkan / menguasai / **meluaskan pengaruhnya** ke NNMU **dengan membuat perjanjian dengan Siam** untuk mengelakkan / menyekat campur tangan atau kemaraan kuasa Eropah / Imperialis yang lain.
2. **Hubungan Siam dengan Kedah**
- a. Siam menyerang Kedah (1821)
- Sultan Kedah Ahmad Tajuddin berundur ke Pulau Pinang.
 - British **tidak membantu Kedah** kerana hendak menjaga **kepentingan perdagangan** dan mengekalkan hubungan baik dengan Siam.

- b. **Perjanjian Burney (1826) antara British dengan Siam**
 - i. British mengiktirafkan Kedah sebagai jajahan Siam manakala Siam mengiktirafkan British di Pulau Pinang dan Seberang Prai.
 - ii. Sultan Kedah kehilangan takhta dan tidak dibenarkan menetap di Kedah, Pulau Pinang, Seberang Prai, Burma, Perak atau Selangor (akibatnya, Sultan Kedah gagal menguasai Kedah dan berpindah ke Melaka).
 - iii. British bebas berdagang di Kedah, Kelantan dan Terengganu.
 - iv. British tidak akan membenarkan Sultan Kedah menyerang Siam di Kedah atau sebarang jajahan Siam.
 - c. **Sultan Kedah menyerang tentera Siam di Kedah** sebanyak 3 kali (1829-1838) untuk mendapatkan Kedah semula
 - Tetapi setiap kali gagal menguasai Kedah semula kerana British **meminjamkan kapal perang** kepada tentera Siam di Kedah mengikut Perjanjian Burney (Pengkhianatan / Pembelotan British terhadap Kedah).
 - d. **Tengku Daei / Anom 1842**
 - Putera sulung Sultan Kedah dihantar untuk **berunding damai** dengan Raja Siam mengenai pengembalian takhta (**Pendamaian**).
 - **1842** Siam bersetuju mengembalikan takhta Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin tetapi wilayah **Perlis, Kupang Pasu** dan **Setul** diasingkan daripada Kedah (untuk menjadi negeri naungan Siam). Wilayah Kedah dikecilkan.
 - Kedah juga dikehendaki menghantar bunga emas kepada Siam.
3. **Perjanjian Sulit British Siam (1897)**
- a. Bertujuan menghalang Siam daripada menyerahkan atau membenarkan kuasa lain daripada bertapak di NNMU.
 - b. **Syarat :**
 - Siam tidak boleh menyerah NNMU kepada mana-mana kuasa Barat yang lain.
 - British mengiktirafkan NNMU dibawah kekuasaan Siam.
 - British akan melindungi Siam daripada diserang musuh.
 - c. Tetapi perjanjian ini gagal menghalang Sultan negeri-negeri tersebut daripada menyerahkan konsesi tanah kepada kuasa asing. Contohnya, Sultan Kelantan menyerahkan konsesi tanah kepada Duff Development Company manakala Sultan Terengganu menerima permohonan Amerika untuk membuka petempatan di Pulau Redang. (Ini kerana Perjanjian Sulit British-Siam ditandatangani **tanpa pengetahuan** Sultan-sultan negeri berkenaan.)
 - d. Kesemua peristiwa ini menyebabkan peluasan kuasa British.
4. **Perjanjian Sempadan British-Siam (1899)**
- Menetapkan sempadan antara Reman (jajahan Siam) dengan negeri Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu untuk memudahkan kutipan cukai.
5. **Perjanjian Perisytiharan British-Siam (1902)**
- a. untuk menghalang kuasa lain daripada bertapak di NNMU.
 - b. Siam dipaksa melantik seorang pegawai British ke Kelantan dan Terengganu yang berkhidmat untuk Siam untuk mengawal **hubungan luar** negeri Kelantan dan Terengganu.
 - c. Sultan Kelantan dan Terengganu menjadi negeri naungan Siam dan tidak dibenarkan memberi konsesi tanah kepada kuasa asing.
6. **Perancis menyerang Siam (1909)**
- a. British tidak membantu Siam.

b. British mengambil **Hak Wilayah Asingan** di Bangkok (rakyat British tidak tertakluk kepada undang-undang Siam sebaliknya **mengikut perundangan British**).

c. Hak Wilayah Asingan

- i. Hak sesuatu kawasan diberi kepada British untuk menjalankan kuasa **perundangan** ke atas warganegara British
- ii. tempat pengaruh British

d. Siam mendakwa British tidak mematuhi **Perjanjian Sulit British-Siam** (1897) kerana British tidak melindungi Siam daripada serangan Perancis.

7. Perjanjian Bangkok (1909)

- a. Siam menyerahkan Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada British (**menjadi negeri naungan British dan negeri-negeri ini tidak perlu menghantar bunga emas kepada Siam lagi**).
- b. Memberi peluang kepada British untuk menguasai NNMU kerana British bimbang akan campur tangan kuasa Imperialis yang lain).
 - NNMU diserahkan kepada British. Sungai Golok dijadikan sempadan antarabangsa. British menyerahkan Wilayah Tabal kepada Siam. Siam menyerahkan Wilayah Reman kepada Kelantan dan Perak. Sultan Mhd. membantah penyerahan Wilayah Tabal kepada Siam. Seramai 1500 penduduk Wilayah Tabal **menentang penguasaan Siam** lalu berhijrah ke Kelantan.
- c. Perjanjian Sulit British-Siam 1897 dibatalkan.
- d. Hak Wilayah Asingan diserahkan oleh British kepada Siam semula.

8. Penasihat British Mengancam Kedaulatan NNMU


- a. Sejak **Perjanjian Bangkok 1909**, British menempatkan penasihat-penasihat ke NNMU untuk **memberi nasihat** / cadangan-cadangan dalam pentadbiran kepada Sultan untuk mengawal NNMU **kecuali agama Islam** dan adat istiadat orang Melayu.
- b. **Kesemua Sultan NNMU tidak mengiktirafkan Perjanjian Bangkok 1909** kerana
 - i. **tidak dijemput berunding.**
 - ii. **Kedaulatan negeri tergugat** / terancam (kedudukan / kewibawaan / kuasa raja-raja tergugat)
 - iii. perjanjian **ditandatangani tanpa pengetahuan baginda**
 - iv. tidak puas hati dengan **pengukuhan kuasa British** melalui pelantikan penasihat British yang **merampas pembahagian tugas** pembesar serta menguasai jabatan kerajaan.

9	a.	Kelantan (Sultan Mhd.III)	- Menerima Penasihat British J.S. Mason (1910).
	b.	Terengganu (Sultan Zainal Abidin)	<ul style="list-style-type: none"> i. Menafikan Penasihat British W.L. Conlay (1910). ii. Menerima Penasihat British J.L. Humphreys dengan rasmi (1919). iii. Mengubal perlembagaan untuk mengekalkan kedaulatan Negeri Terengganu. (Sultan tidak dibenarkan menyerahkan tanah kepada mana-mana kuasa barat)
	c.	Kedah	<ul style="list-style-type: none"> i. William George Maxwell dilantik menjadi Penasihat British. ii. Menerima Penasihat British W. Peel (1923).

	(Sultan Abdul Hamid Halim Syah)	Tindakan Tunku Mahmud yang jati diri mempertahankan identiti Kedah melalui tindakan Makhamah . <ul style="list-style-type: none"> - menggunakan bahasa Melayu dalam surat rasmi - menggunakan kalendar Hijrah - mengutamakan pelantikan pegawai Melayu dalam pentadbiran. - Cuti umum pada hari Jumaat. - Surat rasmi tidak perlu ditapis.
f.	Perlis (Sultan Raja Syed Alwi)	i. Meadow Frost, Penasihat British ditempatkan di Perlis. ii. Menerima Penasihat British L.A. Allen (1930).

10. Kesemua NNMU ini jatuh ke tangan British, apabila kesemua **jabatan penting kerajaan** seperti Jabatan Kastam dan Jabatan Kerja Raya dikuasai penasihat British.

Pemodenan Johor Melambatkan Campur Tangan British



3. Temenggung Abdul Rahman

- b. Stamford Raffles dengan angkatan tentera British memaksa Temenggung Singapura menyerahkan Singapura kepada Stamford Raffles.
- c. Malangnya, Perjanjian Singapura ini tidak diiktiraf oleh Sultan Abdul Rahman (yang terikat dengan perjanjian Belanda).

↓ Mangkat

4. Temenggung Daeng Ibrahim (putera Temenggung Abdul Rahman)

- a. bermusuhan dengan Tengku Ali / Sultan Ali.
- b. Membuat Perjanjian Persahabatan 1855 dengan Sultan Ali.
 - i. bermulalah pemerintahan keluarga Temenggung.
 - ii. Sultan Ali disingkir ke Kesang dan Sg. Muar.
- c. **Temenggung Daeng Ibrahim**
 - i. berkuasa di seluruh Johor kecuali Sg. Muar dan Kesang.
 - ii. diiktiraf sebagai pemerintah Johor yang sebenar oleh British.
- d. menjalinkan persahabatan dengan British.
- e. membina **ibu negeri Tanjung Puteri** (Pusat Pentadbiran Johor).
- f. memperkenalkan **Sistem Kangcu**. (menanam lada hitam dan gambir)
- g. membawa perkembangan ekonomi yang pesat kepada Johor.**

5. Sistem Kangcu (diperkenalkan oleh Temenggung Daeng Ibrahim)

- a. surat tauliah / surat sungai diberi kepada orang Cina untuk menetap, mengutip cukai dan mengusahakan **lada hitam dan gambir** di sepanjang tebing Sungai Johor.
- b. Petempatan mereka dikenali sebagai **Kangkar** atau **Kaki Sungai** dan diketuai oleh **Kangcu / Ketua Sungai**.
- c. membawa perkembangan ekonomi yang pesat dan cukai yang dikutip meningkatkan / memberi sumber pendapatan kerajaan Johor.

↓ Mangkat

6 a. Temenggung Abu Bakar

- i. mendapat gelaran Maharaja daripada Ratu England.
 - ii. Selalu melawat ke Eropah / Singapura untuk mengetahui selok-belok pentadbiran Barat.
 - iii. Digelar **Bapa Johor Moden** kerana membawa perubahan dalam pentadbiran dan pembangunan Johor. (**menggunakan sistem pentadbiran Barat**, memajukan ekonomi dan mengutamakan pendidikan Barat.)
 - iv. Tanjung Puteri ditukar nama kepada **Johor Bahru**.
 - v. Meneruskan **Sistem Kangcu**
 - vi. Mengadakan mahkamah, perkhidmatan pos
 - vii. Menubuhkan pasukan tentera dan polis
 - viii. Membina sekolah, hospital dan jalan raya
- b. **Membuat Perjanjian Persahabatan 1885 dengan British** (satu kejayaan / keuntungan terbesar)
- i. diiktiraf sebagai Sultan oleh British. (kedaulatan Johor diiktirafkan)

- ii. Kedudukan lebih tinggi daripada Pesuruhjaya Tinggi Singapura. Oleh itu, boleh berhubung terus dengan **Lembaga Penasihat Johor** di London untuk mendapatkan nasihat untuk mengurus hubungan luar Negeri Johor.
 - iii. Menerima seorang **Konsul** British.
 - iv. Dibawah naungan British (dilindungi)
- c. Memperkenalkan **Undang-undang Tubuh Negeri Johor 1895 (Perlembagaan bertulis Johor yang pertama) untuk mengekalkan kedaulatan Johor** (supaya tidak dikuasai kuasa asing).
- i. Sultan tidak boleh menyerahkan Johor kepada mana-mana kuasa asing.
 - ii. **Majlis Mesyuarat Menteri** menasihati Sultan mesti terdiri daripada **orang Melayu**.
 - iii. **Majlis Mesyuarat Negeri** menggubal undang-undang mesti terdiri daripada **rakyat Johor**.

↓
Mangkat

7. Sultan Ibrahim

- a. Pada tahun 1914, baginda meminda / menggubal **Perlembagaan Johor 1895** iaitu membolehkan pihak British menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri untuk **mengekalkan kedaulatan Johor**.
- b. Memecat / membersarakan Dato Abdul Rahman bin Andak atas nasihat British (Gabenor NNS John Anderson).
- c. **1914**-Menerima penasihat British Douglas Campbell.
- d. Berhutang dengan British akibat pinjaman wang untuk rancangan pembinaan landasan keretapi.

8. Pemimpin Johor yang Mengekalkan Kedaulatan Negeri Johor

- Johor merupakan Negeri Melayu terakhir menerima penasihat British kerana **pemerintahannya yang cekap dan pembangunan yang moden (melaksanakan sistem birokrasi barat.)**

a.	Dato Abdul Rahman b. Andak (Dato Seri Amar Diraja)	<ul style="list-style-type: none"> i. setiausaha Sulit Sultan dan setiausaha Kerajaan Johor. ii. mengawal hal ehwal hubungan luar Negeri Johor. iii. menghalang kemaraan British. iv. Menasihati Sultan supaya menolak helah British untuk menguasai Johor dengan memberi pinjaman kepada Johor untuk membina landasan keretapi. v. Dipecat dan dibersarakan ke London oleh Sultan Ibrahim atas nasihat British (Gabenor NNS John Anderson).
b.	Dato Jaafar b. Hj. Muhd	<ul style="list-style-type: none"> i. setiausaha Kerajaan Johor dan Menteri Besar Johor. ii. Memastikan pegawai British. <ul style="list-style-type: none"> - Memakai pakaian rasmi Johor. - Surat rasmi ditulis dalam Bahasa Melayu. - Bendera Union Jack dikibar lebih rendah daripada bendera Johor.
c.	Dato Muhd. Ibrahim b. Munshi (Dato Bentara Dalam / Bapa	<ul style="list-style-type: none"> i. 1893 dilantik menjadi Timbalan Menteri yan pertama. ii. mengetuai Jabatan Pendidikan Johor untuk mewajibkan rakyat belajar, mengembangkan pendidikan moden di Johor dengan membina sekolah Melayu dan mengawal

Pendidikan Melayu Johor)	perkembangan sekolah Cina.
d. Dato Mhd. Salleh b. Perang (Dato Bentara Luar)	i. Ketua Jabatan Tanah dan Ukur Johor. ii. Pesuruhjaya Polis Johor (menjaga keamanan Johor). iii. melukis pelan / peta pembangunan Muar dan Negeri Johor.

9. Cara-cara British mengukuhkan kekuasaannya di Johor.


- memberi pinjaman kewangan untuk rancangan membina landasan keretapi (supaya Johor berhutang dengan British).
- menyekat kerajaan Johor daripada mendapat nasihat daripada Lembaga Penasihat London tentang hal-ehwal hubungan luar Johor.
- mempengaruhi Sultan Ibrahim untuk membersarakan Dato Abdul Rahman bin Andak, pegawai yang menghalang kemaraan British.

TINGKATAN 2 **BAB 4 KEMAKMURAN EKONOMI SARAWAK MENDORONG PENJAJAHAN BROOKE**

1. a. Sarawak (asalnya dibawah jajahan Brunei)

- Pada kurun ke 18, Sultan Brunei melantik Dato Patinggi Ali (pembesar Melayu) dan pembesar Dayak memerintah Sarawak bagi pihak Kesultanan Brunei.

b. Sultan Omar Ali Saifuddin (Sultan Brunei)



2. b. Kedatangan Pengeran Mahkota

- membina bandar Kuching.
- merupakan campur tangan Brunei ke atas Sarawak.
- tidak disukai kerana menyebabkan pembesar Dato Patinggi Ali **kehilangan pengaruh.** (kedudukan pembesar tempatan tergugat / diketepikan)
- menyebabkan pemberontakan kerana mengenakan cukai yang tinggi

3. a. 1836 Dato Patinggi Ali (orang Melayu) dan orang-orang Bidayuh memberontak kerana pemerintahan Pengeran Mahkota yang kejam.

- menggunakan **cukai yang tinggi.**
- melaksanakan **kerahan tenaga**(amalan buruh paksa / bekerja

2. a. Pada kurun 19, Sultan Brunei menghantar putera Pengeran Mahkota (pembesar Brunei) ke Sarawak untuk

- mengukuhkan kekuasaan** Brunei ke atas Sarawak
- memonopolikan / menguasai kekayaan ekonomi** Sarawak (antimoni dan emas)

4. Akibat kegagalan Pengeran Mahkota menyekat pemberontakan, Sultan Brunei menghantar Pengeran Muda Hashim (adik Sultan) untuk mengatasi pemberontakan tetapi gagal.

- 1840 Pengeran Muda Hashim** meminta **bantuan tentera** James Brooke dengan ganjaran / tawaran jawatan akan melantik James Brooke

- tanpa upah).
- iii. Menjalankan **perdagangan paksa**(dipaksa membeli barangan dengan harga yang tinggi).
 - iv. Mengambil alih kuasa pembesar tempatan (Pembesar tempatan kehilangan pengaruh / diketepikan.)
- b. Pemberontakan ini memberi peluang kepada **James Brooke** untuk menguasai Sarawak, James Brooke dilantik menjadi Gabenor Sarawak (*Bagai orang mengantuk disorongkan bantal*).
4.
 - b. **1841** James Brooke berjaya mengatasi pemberontakan lalu dilantik menjadi **Gabenor Sarawak** (Perjanjian Brooke dengan Pangeran Muda Hashim selepas Brooke membedil bandar Kuching). (Bermulalah campur tangan British dalam ekonomi Sarawak).
 - c. **1842**, Brooke datang ke Brunei dengan angkatan tentera British lalu memaksa Sultan Brunei mengiktiraf beliau sebagai **Raja Sarawak. Sultan Brunai bimbangkan kekuatan angkatan tentera British** (Perjanjian Brooke dengan Sultan Brunei. Brooke dikehendaki membayar \$2500 setahun).
 - d. **1846** Brooke mengalahkan Sultan Brunei dan memaksa Sultan Brunei melepaskan wilayah Sarawak. Diiktiraf sebagai **Raja Sarawak yang merdeka. (Tamatlah penjajahan Brunei ke atas Sarawak.)**

5. **James Brooke** (Raja Putih Pertama)

- a. bekas tentera SHTI yang telah bersara dengan sebuah kapal sendiri bernama “Royalist”.
- b. Untuk menguasai Sarawak beliau:-
 - i. mengatasi kekacauan / kebangkitan.
 - ii. membeli wilayah daripada Sultan Brunei.
 - iii. menyerang Brunei dan memaksa Sultan Brunei melepaskan wilayahnya.
 - iv. memusnahkan petempatan kaum Iban dan Melayu yang menentanginya.
 - v. mendapat bantuan tentera British.
- c. **James Brooke** diganti oleh anak saudaranya, **Charles Brooke**.

6. **Charles Brooke** (Raja Putih ke-2)

- a. **1888** membuat **perjanjian dengan British** untuk mengukuhkan kedudukannya.
 - i. dibawah **naungan British (dilindungi British** jika diserang musuh).
 - ii. Keluarga Brooke boleh memerintah Sarawak dengan **bebas**.
 - iii. British **mengawal segala hal ehwal luar Sarawak**.
- b. **Charles Brooke** diganti oleh anaknya, **Vyner Brooke**.

7. **Charles Vyner Brooke** (Raja Putih ke-3)

- a. Pada perayaan 100 tahun, keluarga Brooke memerintah, Charles Vyner Brooke memperkenalkan **Pelembagaan Bertulis Pertama 1941** yang **memberikan pemerintahan sendiri (kemerdekaan) kepada Sarawak**.
- b. menyerahkan kuasa mutlaknya kepada **Majlis Tertinggi** dan **Majlis Negeri** dan berpeluang **ke arah kerajaan sendiri**. **Majlis Negeri** yang pada awalnya hanya menyuarakan pandangan tetapi sekarang boleh **meluluskan undang-undang sendiri** dan **menguruskan kewangan**. Raja masih berkuasa membatalkan undang-undang.
- c. Tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kedatangan / **penjajahan Jepun**.
- d. **1946** Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British kerana:
 - i. tidak yakin dengan kebolehan anak saudaranya, Anthony Brooke (pertikaian keluarga).
 - ii. hendak bersara kerana tua / uzur.
 - iii. tiada waris lelaki dan tiada wang untuk memulihkan ekonomi Sarawak.
 - iv. Desakan British.
 - v. Menjaga kepentingan pelabur di Sarawak.

8. Perubahan Ekonomi

a.	Hasil-hasil hutan	- sarang burung, kayu balak, rotan, getah jelutung.
b.	Tanaman tradisional (diusahakan kerana harga tinggi dipasaran)	- lada hitam dan gambir ditanam oleh orang Cina. - sagu atau rumbia oleh orang Melanau di Oya, Mukah dan Bintulu.
c.	Tanaman Baru	- getah, tembakau, balak.
d.	Pelombongan	- emas oleh orang Cina di Bau. - 1875 orang Cina memberontak kerana cukai tinggi dikenakan oleh Brooke. Brooke tutup lombong dan orang Cina lari ke Sambas. - minyak di Miri oleh The Anglo-Saxon Oil Company. [Usaha cari gali minyak berkembang apabila hasil antimoni (orang Bidayuh), emas (orang Cina), arang batu dan raksa berkurangan]

9. Perubahan Sosial

- a. Pendidikan:
 - **Sekolah Melayu** terdapat di bandar sahaja. Sekolah Melayu dibina untuk melatih orang Melayu Sarawak menjadi guru dan kakitangan rendah kerajaan.
 - **Sekolah Inggeris pertama** ialah St. Thomas dan dikendalikan oleh Mubaligh Kristian di Kuching.
 - **Sekolah Cina**: buku, guru dan sukatan dari negara China. Didirikan oleh ahli peniaga dan masyarakat Cina.
- b. Perhubungan pos, telegraf, telefon dan pengangkutan, kesihatan terdapat di bandar bahagian **pertama** sahaja dan tidak dinikmati oleh pribumi di luar bandar.
- c. **Sarawak Rangers** – pasukan polis mengawal keamanan Sarawak
- d. Kemasukan imigran Cina menyebabkan masyarakat majmuk di Sarawak.

- e. Brooke tidak membenarkan kemasukan **pelabur barat** dan pembinaan **ladang** secara besar-besaran untuk mengelakkan kedudukannya terancam.
- f. Akibatnya, **ekonomi Sarawak** hanya dimonopolikan oleh **Syarikat Borneo** dan **orang Cina**.
- g. Bangunan ala **seni-bina barat** semasa pemerintahan Brooke ialah Bangunan Istana, Fort Magherita, Muzium dan Istana Negeri.
- h. Jabatan-jabatan Polis, Kastam oleh Kehakiman ditubuhkan untuk melicinkan pentadbiran.


Kaum	Petempatan / Ekonomi berlainan (tiada perpaduan)
Melayu	Pentadbiran
Cina	Perdagangan / perlombongan / pertanian
Iban	Tentera
India	Saudagar kain
Sikh	Polis


- i. Brooke memperkenalkan **dasar pecah dan perintah** (perpaduan sukar dicapai) untuk **menguatkan kedudukan / memantapkan kuasa pemerintahannya**.
 - i. Setiap kaum terlibat dalam ekonomi dan petempatan yang berlainan.
 - ii. Pengasingan kaum (tiada perpaduan)
 - iii. Sekolah Dayak **tidak digalakkan**. (untuk **mengekalkan cara hidup tradisional / mengelakkan kesedaran politik**)
- j. Sarawak dibahagi kepada beberapa bahagian dan daerah untuk memudahkan urusan pentadbiran.
- k. James Brooke telah memperkenalkan sistem pemerintahan beraja, mengekalkan pemerintahan tradisional, untuk mendapat sokongan melantik pembesar tempatan dalam pentadbiran.

10. Sistem Pentadbiran Brooke yang licin

Raja Sarawak / Brooke (kuasa mutlak)

dibantu oleh





11. British menguasai Sarawak melalui keluarga Brooke / pihak persendirian.

TINGKATAN 2 BAB 5 KEKAYAAN EKONOMI SABAH MENARIK MINAT SYARIKAT BORNEO UTARA BRITISH

1. (Sabah juga dikenali sebagai ‘Negeri di Bawah Bayu’)

Sultan Abdul Mumein
(Brunei)

↓

1865

a. **Charles Lee Moses** warga Amerika mendapat pajakan 10 tahun bahagian barat dan selatan Sabah daripada Sultan Brunei (Kimanis dan Teluk Kimanis)

↓

b. Menjual pajakan tersebut kepada The Amerika Trading Company yang diketuai oleh **J.W.Torrey** dan **T.B.Harris** kerana **tidak berminat** untuk memajukannya.

↓

c. Menjual kepada **Baron Von Overbeck,**

Sultan Jamalul Alam (Sulu)

↓

1704

d. mendapat hadiah pantai timur dan utara Sabah daripada Sultan Brunei kerana membantu Brunei mengamankan pemberontakan (balas jasa daripada Sultan Brunei).

↓

e. **1878** – menyerahkan Sg. Padasan hingga Sg. Sibuku kepada Syarikat Overbeck dan Dent

konsul Austria kerana gagal memajukan tanaman kopi dan tebu di Kimanis.

dengan harapan mendapat bantuan tentera sekiranya diserang oleh Sepanyol.

2. a. **Syarikat Overbeck dan Dent**
- i. memperolehi Sabah daripada Sultan Brunei dan Sultan Sulu melalui perjanjian. (Ini memberi peluang kepada British untuk **menguasai Sabah**)
 - ii. **1877 – memperbaharui tempoh** pajakan daripada Sultan Brunei dengan bantuan Gabenor Labuan **W.H.Treacher** (Treacher mensyaratkan Sabah diletak dibawah kekuasaan British).
 - iii. **1878** – mendapat sebahagian Sabah lagi daripada **Sultan Sulu** untuk mengukuhkan kedudukannya.

- b. **Alfred Dent**
- menubuhkan **Persatuan Sementara Borneo Utara British Bhd** untuk menambah saham daripada rakyat British di London.
 - **1881** - mendapat **Piagam Diraja** daripada Kerajaan British untuk
 - i. memajukan perniagaan /**meningkatkan nilai persatuan.**
 - ii. mendapat perlindungan / keselamatan British untuk **mengelakkan pertapakan kuasa** lain / bantuan tentera.
- ↓ menjadi
- c. **1882 Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBUB)**
- **Syarat Pemberian Piagam:-**
 - i. SBUB hendaklah memerintah Sabah dengan adil dan saksama.
 - ii. Pelantikan pegawai SBUB mesti mendapat persetujuan British.
 - iii. SBUB tidak boleh menyerah mana-mana wilayah Sabah kepada sesiapa tanpa persetujuan British.
 - iv. SBUB mesti menerima nasihat British.
- Melalui Pemberian Piagam ini:-**
- d.
 - i. British dapat meluaskan pengaruhnya ke Sabah melalui SBUB.
 - ii. British menghalang kuasa Barat yang lain daripada bertapak di Sabah.
- e. **1888 – Perjanjian Perlindungan Borneo Utara**
- i. Sabah di bawah naungan British.
 - ii. Hal ehwal-luar Sabah dikawal oleh British.(kerana British hendak **meluaskan kuasanya** ke Sabah melalui SBUB).

- 2f. **Baron Von Overbeck**
- 1880 – menjual haknya kepada Alfred Dent dan menarik diri daripada **Syarikat Overbeck dan Dent** kerana gagal mendapatkan modal daripada pemodal dan kerajaan Austria.

3. Carta Organisasi Pentadbiran SBUB (Sandakan ialah pusat pentadbiran SBUB)

i. Lembaga Pengarah di London → Pemegang Saham di London



iv. **Majlis Penasihat (1883)**

menasihati

ii. Gabenor di Sabah

- Setiausaha
- Bendahari
- Ketua Pasukan Keselamatan

W.H.Treacher

↓
iii. Setiausaha Kerajaan

3b)

Gabungan Sistem Pentadbiran Barat dan Tradisional

- e. **Residen** (orang Barat)
 - Sabah dibahagi kepada 4 residensi.
- ↓
- g. **Pegawai Daerah** (orang Barat)
 - hakim Mahkamah Majistret
- ↓
- h. **1915 Penolong Pegawai Daerah** (orang tempatan)
 - ↓
 - i. **Ketua Anak Negeri** / Orang Kaya-Kaya (orang tempatan) berfungsi
 - i. **mengutip cukai**
 - ii. menguruskan hal pertanian.
 - iii. Menegakkan keadilan.(Hakim makamah Anak Negeri)
 - iv. **Menjaga keamanan.**
 - v. Menguruskan pembahagian tanah.
 - ↓
 - j. **Ketua Kampung** / Orang Tua (orang tempatan)
 - berfungsi **menjaga keharmonian** / keselamatan kampung, memajukan perdagangan dan melaporkan kes kecurian dan wabak penyakit kepada pihak SBUB.
- f. **Ketua-ketua Jabatan**
 - Jabatan Buruh, Kewangan, Polis, Pos, Tanah dan Ukur.

4.

Mahkamah	
a. Mahkamah Majistret	b. Mahkamah Anak Negeri
<ul style="list-style-type: none"> - mengendalikan kes-kes berat / sivil seperti culik, rompak dan bunuh. - Mengikut undang-undang Barat. - Dihakimi oleh Pegawai Daerah. 	<ul style="list-style-type: none"> - mengendalikan hal ehwal masyarakat tempatan / peribumi seperti kes cerai. - mengikut hukum adat dan syariah / agama (undang-undang tempatan). - dihakimi oleh Ketua Anak Negeri yang arif dalam agama Islam dan adat.

5. **SBUB mengukuhkan kuasa Di Sabah**

- a. Melantik pemimpin tempatan (sebagai Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung) dalam pentadbiran negeri untuk
 - i. menampung **kekurangan pegawai Barat** (kerana **kekurangan modal / wang** untuk menggaji pegawai Barat / **menjimatkan perbelanjaan**).
 - ii. Pemimpin tempatan **lebih memahami adat dan budaya** masyarakat tempatan.

6. **SBUB mengeksploitasi hasil bumi Sabah.**

- a. SBUB **menggalakkan** pengeluaran **hasil tradisional** seperti sarang burung, ikan yu dan trepang oleh orang Bajau kerana **harga tinggi di pasaran**.
- b. SBUB mengusahakan
 - i. sektor pembalakan di Tawau, Lahad Datu dan Sandakan.
 - ii. hasil hutan seperti balak, getah perca, rotan dan damar.
- c. **Tanaman baru** / dagangan seperti **getah dan tembakau** juga diusahakan dengan **pembinaan landasan keretapi** (Pembinaan landasan keretapi menyebabkan pembukaan tanah baru untuk pertanian terutamanya getah). Landasan kereta api pertama menghubungkan Weston ke Beaufort.
 - i. SBUB **mengecualikan cukai eksport** untuk menggalakkan penanaman tembakau.
 - ii. Tembakau merupakan tanaman dagangan terpenting dan bermutu tinggi serta mendapat pasaran tinggi.
 - iii. Ditanam di Pulau Banggi, Teluk Marudu, Lahad Datu, Tawau dan Sandakan.
 - iv. **Tanaman getah** pula **dikecualikan cukai 50 tahun** dan **pemberian 4% dividen**.
- d. Malangnya, penduduk tempatan tidak menikmati sepenuhnya hasil usaha mereka kerana mereka dikenakan cukai yang tinggi seperti **cukai hasil, cukai tanah, lesen perahu, lesen senjata** dan **cukai kepala** untuk mengatasi masalah kewangan SBUB. **Taraf hidup penduduk tempatan masih rendah (Pengajaran: Berwaspada dengan kuasa asing)**.
- e. Amalan hamba abdi dihapuskan.
- f. Wang diperkenalkan untuk **menambahkan pelaburan** dan membolotkan kekayaan ekonomi Sabah.

7. Perubahan sosial SBUB di Sabah

- a. masyarakat majmuk wujud kerana kemasukan buruh asing ekoran **perkembangan ekonomi**.
- b. **SBUB menarik masuk pelabur barat** dengan
 - i. merendahkan kadar sewa tanah.
 - ii. membawa masuk pekerja Cina sebagai tenaga buruh.
- c. **Institut Byron**: Sekolah Inggeris pertama dibina oleh Roman Katholik untuk menyebarkan agama Kristian.
- d. **Sekolah Latihan Khas** seperti **Kolej Melayu Kuala Kangsar** mengajar Bahasa Melayu untuk memberi latihan kepada anak-anak Ketua Anak Negeri untuk menjadi pegawai pentadbir **peringkat rendah** seperti Kerani, Renjer, Ketua Anak Negeri atau Guru. **SBUB** – hanya menyediakan pendidikan rendah kerana kekurangan wang dan menganggap pendidikan tidak menguntungkan.
- e. Bandar-bandar baru muncul akibat kemajuan **ekonomi, sosial dan pentadbiran**.

i. Jesselton	- Diasaskan oleh Charles Jessel pada 1900. - Hari ini dipanggil Kota Kinabalu. Turut dikenali sebagai Api-api, Singga Mata atau Diasuka	
ii. Sandakan	- Diasaskan oleh William Prayer. - Digelar Elopura / bandar cantik.	- pusat pentadbiran, pelabuhan antarabangsa dan pembalakan
iii. Kudat	- Pusat pentadbiran pertama SBUB dipindah ke Sandakan kerana keadaan geografinya tidak sesuai untuk pertanian.	

- f. SBUB juga membina jalanraya, jalan keretapi, memperkenalkan perkhidmatan telegraf dan radio serta menubuhkan Jabatan Pelajaran (Hanya pendidikan peringkat rendah disediakan

- oleh SBUB kerana SBUB kekurangan wang dan menganggap pendidikan **tidak menguntungkan**).
- g. **Skuad Terbang** merupakan polis tempatan yang menjaga keselamatan.
 - h. **Straits Steamship**: Syarikat perkapalan yang pertama.
 - i. **The North Borneo Herald** – akhbar Inggeris pertama di Sabah, 1883.
 - j. Hospital dan klinik hanya dibina di bandar-bandar. Oleh sebab bilangan doktor tidak mencukupi, perkhidmatan perubatan tidak dinikmati oleh seluruh rakyat Sabah.
 - k. Perlombongan arang batu di usahakan oleh Syarikat Cornie Harbour Coal di Silimponpon.
8. Ekspot SBUB meningkat kerana
- i. mengecualikan cukai eksport tembakau
 - ii. kedatangan pelabur luar dalam perlombongan.
- c. **Majlis Penasihat Ketua-ketua Anak Negeri (MPKKAN)** ditubuhkan.
- a. Memberi peluang kepada Ketua-ketua Anak Negeri untuk menyuarakan masalah mereka kepada SBUB.
 - b. Berjaya membawa kemajuan kepada bidang pendidikan dan pertanian.

TINGKATAN 2

BAB 6 BRITISH MENGEKSPLOIT EKONOMI

1. **Kegiatan Pertanian Tradisional**
 - i. Diusahakan kerana **pasaran yang baik** / harga tinggi. Pendapatan lumayan
 - ii. Akhirnya merosot kerana harga tidak stabil.
 - iii. **Meramu** : Kegiatan mencari hasil hutan secara tradisional.
 - iv. **1885: Terusan Wan Mat Saman** dibina dari Alor Star ke Gurun oleh Perdana Menteri Kedah, Wan Mat Saman untuk pengairan padi di Kedah menggunakan tenaga manusia dan alat tradisional seperti cangkul. **Unggun api** digunakan sebagai petanda lurus.
 - v. Membawa **kemajuan dalam pertanian** kepada negeri Kedah.
2. **Tanaman baru / dagangan**
 - i. Diperkenalkan kerana mempunyai harga yang tinggi di pasaran
 - ii. Diusahakan oleh pelabur Barat kerana British hendak mengekalkan orang tempatan sebagai petani dan nelayan untuk mengelakkan kesedaran politik.
 - iii. **Dwiekonomi** menyebabkan kegiatan ekonomi dagangan dan tradisional tidak seimbang menyebabkan jurang **ekonomi** antara masyarakat luar bandar dengan bandar berlaku.
3. **Perkembangan Perusahaan Getah**
 - a. **Faktor-faktor perkembangan perusahaan getah (1912)**
 - i. **Kejatuhan harga kopi akibat serangan penyakit** dan pengeluaran kopi berlebihan di Brazil.
 - ii. **Penggunaan getah meluas** seperti perkembangan perusahaan tayar motokar, pembuatan pakaian, kasut dan penebat elektrik.
 - iii. Revolusi perindustrian di Eropah.
 - iv. **Tenaga buruh India yang banyak / murah** (dibawa masuk melalui Sistem Kangani untuk mengatasi masalah kekurangan buruh).
 - v. **H.N. Ridley** yang mencipta sistem torehan ikan herring / **sistem ibedem** yang boleh:
 - menambahkan pengeluaran susu getah
 - memanjangkan usia pokok.
 - vi. **Harga getah melambung akibat permintaan tinggi** (menyebabkan **banyak ladang baru dibuka** di sepanjang landasan keretapi).

- vii. **Pelaburan modal asing** (syarikat getah) seperti Sime Darby, Guthrie, Harrisons & Crossfield dan United Plantations.
- viii. Cukai eksport yang rendah.
- b. **Kemelesetan Ekonomi Dunia** (1920-1930)
 - i. **menyebabkan harga getah jatuh.**
 - ii. Beribu-ribu pekerja dihantar pulang dan kemasukan imigran asing dihadkan oleh British. Sistem Kangani dan Kontrak dibatalkan
- c. **Untuk menstabilkan harga getah:**
 - i. **Rancangan Sekatan Stevenson (1922)**
 - bertujuan **mengurangkan atau menghadkan pengeluaran** getah untuk meningkatkan harga getah (menghadkan pengeluaran getah kepada 60%).
 - **gagal** kerana Belanda di Indonesia tidak menyertai kerana bimbangkan industri getah terjejas.
 - ii. **Rancangan Getah Antarabangsa (1934)**
 - **diberi kuota** penanaman dan **kuota** eksport.
 - **berjaya** kerana disertai oleh semua negara pengeluar getah.
- 4. **Perlombongan Bijih Timah**
 - a. Dilombong di Larut dan Lembah Kinta (Perak), Klang dan Lukut (Selangor) dan Sungai Ujong (N.Sembilan).
 - b. **Berkembang** kerana:
 - i. Keamanan dan kestabilan politik.
 - ii. Harga pasaran meningkat.
 - iii. Sistem perhubungan baik (keretapi). Mengangkut bijih timah ke pelabuhan untuk dieksport.
 - iv. Tenaga buruh Cina yang mencukupi (dibawa masuk melalui Sistem Kontrak).
 - v. Kemasukan modal luar / pelaburan Barat (campurtangan British).

- vi. **Permintaan bijih timah meningkat** akibat Revolusi Perindustrian di Eropah (perusahaan mengetin).
- vii. **Penggunaan teknologi moden** seperti kapal korek (menyebabkan **hasil perlombongan orang Putih melebihi orang Cina**). Kapal korek pertama digunakan oleh Syarikat Malayan Tin Dredging.
- viii. Campur tangan British - memajak tanah daripada pembesar-pembesar Melayu.
- ix. Industri mengetin nanas mula berkembang.

c.

1930 - Kemelesetan Ekonomi Dunia - harga bijih timah jatuh / tidak stabil.
Menstabilkan harga bijih timah
1931 - Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa - Mengurangkan pengeluaran bijih timah.
1934 - Majlis Bijih Timah Antarabangsa - Menyelaraskan pengeluaran dan berjaya menstabilkan harga bijih timah.

- d. Harga bijih timah yang tidak stabil (dikawal dengan menghadkan pengeluaran)
- e. Kesan kemasukan Tenaga Buruh Luar akibat **perkembangan ekonomi** getah dan bijih timah melalui Sistem Kangani dan Sistem Kontrak menyebabkan:
 - Pertambahan penduduk Cina dan India.
 - Petempatan baru dibuka.
 - **Wujudnya masyarakat majmuk / berbilang kaum** (wujudnya pengenalan kaum mengikut ekonomi / tiada perpaduan).

e) British membawa masuk buruh luar untuk mengeksploitasikan kekayaan negara.


Cara kemasukan buruh ke Tanah Melayu

- i. Orang Cina datang melalui **Sistem Kontrak untuk bekerja di kawasan lombong bijih timah**
 - ii. Orang India datang melalui **Sistem Kangani untuk bekerja di kawasan ladang getah.**
- } Buruh diberi **tempoh bekerja** tertentu, **tambang dibayar** oleh majikan dan majikan **ditetapkan** (terikat kepada majikan)
- iii Buruh asing dibawa masuk oleh British untuk mengeploitasikan kekayaan negara.

Kangani

- Agen dihantar ke India untuk membawa masuk buruh India.
- Komisen diberi untuk setiap buruh yang dibawa masuk.

f. **Kaedah Perlombongan di pengaruhi oleh jenis Pengusaha**



g. Perkembangan bijih timah membawa perkembangan bandar-bandar seperti Ipoh, Taiping, Seremban dan Kuala Lumpur

i.	Ipoh	- Di Lembah Kinta - Selepas kemerosotan B.Timah, Ipoh menjadi ibu negeri Perak.
ii.	Taiping	- Nama asal ialah Kelian Pauh. - Selepas Perang Larut bertukar nama kepada Taiping yang bermakna 'Kedamaian yang abadi'.
iii.	Kuala Lumpur	- Terletak di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang. - Diasaskan oleh Kapitan Yap Ah Loy (Kongsi Gelap Hai San)

5. **Perkembangan Sistem Pengangkutan dan Perhubungan.**

a. Landasan kereta api tertumpu **di pantai barat** kerana **kekayaan bahan mentah**:

- i. Taiping → Port Weld / Kuala Sepetang (landasan pertama)
- ii. Kuala Lumpur → Port Swettenham.
- iii. Seremban → Port Dickson

b. Memudahkan pengangkutan **bahan mentah** / bijih timah **ke pelabuhan untuk dieksport.**

c. **Menyebabkan pembukaan kawasan baru** untuk penanaman getah berlaku di **sepanjang** landasan kereta api.

d. Menarik kemasukan pelabur Eropah ke Tanah Melayu.

e. Jalanraya dibina di pantai barat untuk kepentingan ekonomi dan memudahkan pentadbiran.

f. Mengeksploitasi kekayaan Tanah Melayu.

7. a. **British menggalakkan pengasingan kaum dalam ekonomi iaitu:**

Kaum	Petempatan	Ekonomi
Cina	Bandar	Bijih timah/ Perniaga
Melayu	Desa	Petani / Nelayan
India	Ladang	Penoreh
Eropah	Ladang	Pertanian

- b. i. Untuk **mengelakkan** perpaduan kaum (perpaduan sukar dicapai)
- ii. Untuk mengukuhkan pentadbiran British

7. Kesannya:

Dwi ekonomi	Ekonomi Tradisional oleh orang tempatan (luar bandar)	Mewujudkan jurang ekonomi
	Ekonomi Dagangan (bandar) - tenaga buruh ramai - teknologi moden	

8. **Kepelbagaian pendidikan dalam masyarakat berbilang kaum (mengekal identiti kaum)**

- a. British membenarkan **pendidikan Vernakular** (Sekolah Cina, Melayu, Tamil dan Inggeris) berkembang mengikut cara masing-masing supaya **perpaduan sukar dicapai** kerana setiap sekolah menggunakan sukatan pelajaran dari **negara asal** dan **bahasa ibunda** masing-masing sebagai bahasa pengantar.
- b. Untuk **mengukuhkan kekuasaan Inggeris**, memudahkan pentadbiran dan menjaga kepentingan Inggeris supaya tiada kesedaran politik / penentangan.

9. **Sekolah Melayu**

a. **Sekolah Melayu Traditional / Pendidikan Tidak Formal**

- i. Merupakan sekolah pondok / sekolah Arab berdasarkan pendidikan agama Islam.
- ii. Mementingkan pendidikan agama, pembentukan akhlak yang mulia dan kehidupan masyarakat.

b. **Sekolah Melayu Terawal** (dibina oleh British)

- i. Sekolah Melayu Gelugor, Pulau Pinang (Sekolah Melayu yang pertama).
- ii. Lulusan Sekolah Melayu hanya berpeluang
 - melanjutkan pelajaran ke Maktab Penguruan untuk menjadi guru-guru sekolah Melayu.
 - atau menjadi polis, kerani dan memegang **jawatan rendah** di jabatan kerajaan sahaja.
- iii. Inggeris tidak menyediakan pendidikan menengah kerana hanya menjadikan orang Melayu sebagai petani atau nelayan yang lebih baik daripada ibu bapa mereka sahaja. Kemahiran asas sahaja yang diajar untuk **mengelakkan kesedaran politik**.

c. **Maktab Penguruan Sultan Idris (MPSI)** – melatih guru-guru untuk sekolah Melayu.

- i. Golongan nasionalis muncul dari MPSI akibat
 - Dipengaruhi oleh perjuangan Indonesia menentang penjajahan Belanda.
 - Tidak puas hati dengan sistem pemerintahan British.
 - Galakkan daripada pemsyarah.
 - Pendedahan kepada fahaman politik daripada majalah dan surat khabar dari Indonesia.
- ii. Golongan nasionalis ini menentang British melalui akhbar **Warta Malaya (Akhbar Kebangsaan pertama)** dan **Majlis**.

10. **Sekolah Cina**

- a. Dibina oleh masyarakat Cina mengikut loghat-loghat sendiri / bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.
 - Buku teks, guru dan sukatan pelajaran dari negara China / negara asal (tiada perpaduan) untuk mengekal identiti kaum sendiri.
 - Terdiri daripada peringkat rendah dan menengah.
- b. British memperkenalkan **Enakmen Pendaftaran** iaitu semua guru Cina / dari China mesti didaftarkan untuk mengawasi / menghalang penyebaran ideologi komunis di sekolah-sekolah Cina.

- c. **Sekolah Malam** dan **Sekolah Utama** turut diharamkan oleh British untuk menghalang penyebaran ideologi komunis.

11. Sekolah Tamil

- a. **Undang Buruh (1912)** yang mengawal ladang getah **mewajibkan** pengurus ladang **menyediakan sekolah** dan guru bagi anak-anak pekerjaanya.
- b. Sekolah Tamil menggunakan guru, sukatan dan buku teks dari India untuk mengekalkan identity sendiri..

12. Sekolah Inggeris

- a. Dibina di bandar oleh British atau Mubaligh Kristian
- b. **Sekolah Penang Free** adalah sekolah Inggeris yang terawal
- c. **Kurang sambutan daripada ibu bapa Melayu kerana:**
- dikendalikan oleh Mubaligh Kristian.
 - Bimbang anak **dipengaruhi agama Kristian.**
 - Tidak menghantar anak perempuan Melayu ke sekolah Inggeris kerana bertentangan dengan adat Melayu.
 - **Tertumpu di kawasan bandar**, jauh dari kampung.
 - **Dasar pemerintahan British** tidak menggalakkan kemasukan Melayu.
- d. **Sekolah Raja** (1890) Victoria Institution
- Memberi pendidikan Inggeris kepada anak-anak raja dan pembesar Melayu.
- e. **Kolej Melayu Kuala Kangsar** (1905)
- **Memberi peluang melanjutkan pendidikan Inggeris** peringkat rendah dan menengah **kepada golongan bangsawan dan anak-anak raja.**
 - Bersedia berkhidmat dengan kerajaan British sebagai pegawai pentadbir **peringkat rendah** seperti **Sekolah Latihan** di Sabah.
 - Lahirlah golongan pemimpin berpendidikan Inggeris.
- f. British menolak permintaan orang Melayu untuk membina sekolah Inggeris serta mengawal kemasukan orang Melayu dan tidak menggalakkan pendidikan tinggi:
- i. Supaya orang Melayu masih mundur.
 - ii. Tidak mahu mereka menjawat jawatan yang lebih tinggi.
 - iii. Mengelakkan kesedaran politik(semangat kebangsaan) dan menentang British dengan penubuhan persatuan.

13. Perkembangan Kesihatan

- a. Lembaga Kesihatan memastikan kebersihan bandar.
- b. Institut Penyelidikan Perubatan mengatasi penyakit beri-beri dan malaria.

TINGKATAN 2

BAB 7 PERJUANGAN RAKYAT TEMPATAN MENGEMBALIKAN KEDAULATAN BANGSA.

Perjuangan Rakyat Tempatan = berani menegakkan kedaulatan bangsa / berwaspada terhadap anasir luar.

1. Perjuangan mengembalikan kedaulatan Kedah

- a. Siam menduduki Kedah pada tahun 1821.
- b. i. **Sultan Kedah menyerang tentera Siam di Kedah** sebanyak 3 kali (1829 – 1838) dari **Pusat Gerakan Seberang Prai, Melaka dan Beruas.**

ii. Tetapi gagal menguasai Kedah kerana British melindungi dan membantu Siam dengan **meminjam kapal perang** kepada tentera Siam di Kedah mengikut Perjanjian Burney.

c. **Pembelotan / Pengkianatan British terhadap Kedah atau penglibatan kuasa asing.**

Tahun	Peristiwa
1823	- Tunku Abdullah menyerang dari Seberang Prai. Gagal kerana British membantu Siam.
1831	- Tunku Kudin menyerang dari Melaka. Terkorban. British pinjam kapal kepada Siam.
1836	- Sultan Ahmad Tajuddin menyerang dari Bruas. Ditangkap. British membantu Siam.
1838	- Tunku Muhamad Saad. Gagal. Siam dibantu oleh British.

d. **1842 Tengku Daei / Anom**

- i. Putera sulung Sultan Kedah dihantar untuk berunding mengenai pengembalian takhta (Pendamaian).
- ii. **1842** Siam bersetuju mengembalikan takhta Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin kerana peperangan ini **merugikan** Siam juga. Tetapi wilayah **Perlis, Kubong Pasu dan Setul** diasingkan daripada Kedah untuk menjadi negeri naungan Siam. (Wilayah Kedah dikecilkan)

2. **Dol Said Pahlawan Naning**

- a. British menganggap Naning **adalah sebahagian daripada jajahan Melaka.**
- b. British juga mahu penduduk Naning **membayar cukai 10%** dan melaksanakan undang-undang British iaitu melarang Penghulu Dol Said daripada membicarakan kes jenayah.
- c. **Dol Said** menentang bayaran **cukai** dan **pelaksanaan undang-undang British** terhadap Naning kerana menganggap Naning daulat/bebas (mempertahankan **kedaulatan**) **bukan jajahan Melaka.**
- d. Serangan British pada tahun 1831 ke atas Naning ditewaskan oleh Dol Said yang mendapat bantuan luar, **pembesar Rembau**, Yamtuan Muda Raja Ali (Naning bergabung dengan Rembau, Seri Meranti, Sungai Ujong, Johol, Muar dan mengamalkan **taktik perang gerila.**)
- e. Dalam serangan ke-2 pada tahun 1832, Dol Said **ditewaskan** kerana British mendapat bantuan Yamtuan Muda Raja Ali (Rembau).
- f. Akibat Perang Naning ialah:
 - i. Dol Said menyerah diri. Beliau diberikan pencen dan sebuah rumah.
 - ii. British mengalami **kerugian besar** sebanyak 100,000 paun sterling.
 - iii. Naning menjadi jajahan Melaka.

3. **Rentap Wira Sarawak: Agi Idup, Agi Ngelaban** [*selagi hidup, selagi berjuang*].

- a. Merupakan ketua orang Iban dan digelar Raja Darat Sarawak / Penggoncang Dunia/Libuan.
- b. Menentang pemerintahan Brooke kerana **beliau dianggap sebagai lanun, petempatan** orang Iban dihapuskan dan pembinaan kubu British oleh Brooke.
- c. 1853, Rentap **menyerang kubu Brooke** di Nanga Skrang dan **membunuh Alan Lee.**
- d. Brooke kalah dalam pertempuran pertama kerana ketahanan Kubu Rentap di kawasan tinggi, Bukit Sadok mempunyai sebuah meriam bernama “Bujang Timbang” dan dipagari dengan **ketahanan kayu belian yang kuat. (Rentap bijak mengatur strategi).**
- e. Brooke berundur ke Kuching lalu membina sebuah meriam yang bernama Bujang Sadok untuk menyerang kubu Rentap di Bukit Sadok.
- f. Akibatnya, Rentap tewas dan melarikan diri ke Entabai lalu meninggal dunia di sana

4. **Syarif Masahor Wira Sarawak menghalang peluasan kuasa Brooke.**

- a. Beliau kehilangan kuasa, dilucutkan jawatan sebagai pembesar dan pengutip cukai apabila Brooke mendirikan kubunya di Kanowit dan mengambil alih kawasan Sungai Rajang.
- b. Beliau berpakat dengan Datu Patinggi Abdul Ghaffur di Kuching untuk menyerang kubu James Brooke di Kanowit untuk menghalau Brooke dari Sarawak dan menyebabkan dua orang pegawai British (**Charles Fox dan Henry Steel**) terbunuh.
- c. Serangan Datu Patinggi Abdul Ghaffur ke atas Kuching melalui Kalimantan tetapi tertangkap oleh Belanda dan dipenjarakan ke Betawi oleh Belanda.
- d. Syarif Masahor melarikan diri ke Brunei tetapi dibuang negeri ke Singapura apabila Sultan Brunei dipaksa oleh Brooke.
- e. Brooke menghadapi kebangkitan pemimpin orang Iban yang menentang **peluasan kuasa Brooke** ke wilayah mereka.

i.	Banting (1894)	Pemimpin orang Iban di hulu Sungai Batang Lupar
ii.	Asun (1931)	Pemimpin orang Iban di Sungai Kanowit

5. **Dato' Maharaja Lela Pejuang Kebanggaan Perak Menentang Campur tangan British**

- berkuasa di Pasir Salak.

a. **Sebab-sebab penentangan** ialah:

- i. Kuasa sultan dan pembesar **tergugat. (Sultan kehilangan kuasa pentadbiran)**
- ii. Pembesar **kehilangan kuasa mengutip cukai** dan pengenalan cukai baru.
- iii. Pembesar dilarang menyimpan hamba . (**Residen mencabuli adat resam Melayu/ menghapuskan amalan hamba abdi**)

- b. i. Sultan Abdullah, Ngah Ibrahim, Dato Maharaja Lela dan Raja Ismail selepas mesyuarat di **Durian Sebatang**, merancang pembunuhan Residen British.
- ii. **J.W.W Birch**, Residen British dibunuh oleh Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya, Dato' Sagor , Pandak Indut dan Seputum di Pasir Salak pada Nov 1875 semasa Birch hendak menyebarkan surat pengisytiharan mengambil hak memungut cukai.

c. **Kesan pembunuhan Birch:**

- i. British menyerang Pasir Salak. Dato' Maharaj Lela, Dato' Sagor, Pandak Indut dan Seputum ditangkap serta dihukum gantung sehingga mati pada tahun 1876
- ii. Sultan Abdullah, Orang kaya-kaya, Menteri Besar Ngah Ibrahim yang terlibat dibuang ke Pulau Seychelles.
- iii. Inggeris **berhati-hati** dalam tindak-tanduknya.

6. **Yamtuan Antah Mempertahankan Kedaulatan Seri Menanti**

- a. Tengku Antah dan Dato' Bandar juga bermusuhanan kerana Dato' Kelana yang membuat perjanjian dengan British / meminta campur tangan British.
- b. Dato' Kelana dengan bantuan British menyerang Tengku Antah untuk merebut kawasan Terachi. Pada masa itu, Yamtuan Antah disokong oleh Rembau, Jelebu dan Johol.
- c. Pada tahun 1887, Tunku Antah menandatangani perjanjian damai dengan British atas nasihat Sultan Abu Bakar, Johor. Kesannya:
 - i. Tunku Antah diiktiraf oleh British sebagai Yamtuan Besar Seri Menanti
 - ii. Kawasan Johol, Hulu Muar, Terachi, Jempol, Gunung Pasir dan Inas diiktiraf sebagai jajahan takluk Seri Menanti.
 - iii. British berpeluang meluaskan pengaruhnya ke seluruh Negeri Sembilan.

7. **Dato' Bahaman Pahlawan Pahang**

- a. Pembesar Pahang yang dikenali sebagai **Orang Kaya Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan**.
 - b. **Menentang pelantikan E.A. Wise** sebagai pegawai Majistret British di Temerloh dan **pembinaan sebuah Balai Polis di Lubuk Terua** tanpa berunding dengan beliau terlebih dahulu (British mencero bohi kawasan serta mengancam kedudukannya). Dato Bahaman menentang kerana hilang hak memungut cukai, pelucutan gelaran dan pengenalan peraturan tanah.
 - c. Dato Bahaman menyerang pasukan British yang telah menahan tiga orang pengikutnya yang mengumpul hasil hutan tanpa izin, tetapi gagal.
 - d. Pada tahun 1894, beliau bersama Tok Gajah, Mat Kilau, Awang Nong, dan Mat Kelubi berjaya menduduki kubu British di **Jeram Ampai**.
 - e. Sultan dipaksa oleh British untuk menghantar sepasukan tentera bernama **“Gerakan Sultan”** untuk menangkap Dato Bahaman.
 - f. Dato Bahaman berundur ke Kelantan dan Terengganu untuk mengelakkan peperangan dengan pasukan **“Gerakan Sultan”**. (**mengelakkan penderhakaan terhadap Sultan**)
 - g. Oleh itu, **“Gerakan Sultan”** telah menawan 11 buah kubu Dato Bahaman di Bentang.
 - h. British menanggung hutang yang banyak akibat penentangan Dato Bahaman.
8. **Mat Salleh, Pembesar Sungai Sugut Menyanggah SBUB**
- a. i. Pada tahun 1897, beliau memusnahkan pusat pentadbiran British di **Pulau Gaya** kerana kampungnya di **Inanam**, dibakar oleh SBUB dan pengenalan cukai tinggi.
ii. SBUB menawarkan \$500 untuk menangkap Mat Salleh dan menyerang Ambong.
 - b. Mat Salleh membina sebuah kubu di Ranau.
 - c. **1989**, SBUB terpaksa berdamai dengan Mat Salleh dan menyerahkan **Tambunan** kepada Mat Salleh.
 - d. Mat Salleh diampunkan dan diizinkan untuk menetap dan berkuasa di Tambunan oleh Pengarah SBUB, iaitu William Cowie.
 - e. Kemudian, SBUB mengambil alih Tambunan pada tahun 1899. (SBUB mungkir janji dan penentangan meletus semula.)
 - f. 1900, SBUB berjaya menewaskan Mat Salleh dan **Mat Salleh terkorban** di Tambunan.
9. **Antanom Pahlawan Anak Rimba Berjiwa Besar**.
- a. Antanom ialah pemimpin kaum Murut yang menentang SBUB di Rundum (**Pemberontakan Rundum**).
 - b. Kaum Murut tidak puas hati dengan SBUB kerana:
 - i. Mereka dilarang menebang hutan dan membuka tanah baru dengan sesuka hati.
 - ii. Mereka dikenakan cukai beras dan ubi kayu.
 - iii. Orang Murut dijadikan buruh paksa membina jalan di kawasan pedalaman tanpa diberikan gaji.
 - iv. Orang Murut membantah pembinaan jalanraya kerana dipercayai boleh mengganggu roh nenek moyang mereka.
 - c. Pada tahun **1915**, Antanom menyerang dan membakar Pensiangan, tetapi serangannya ke atas Rundum gagal.
 - d. SBUB menyerang kubu Antanom di Sungai Selangit. Akhirnya beliau terkorban di situ.
 - e. Untuk mengelakkan kebangkitan seterusnya, Orang Murut dipaksa bersumpah taat setia.
 - f. Kebanyakan orang Murut berpindah ke Kalimantan selepas peristiwa ini.

10. Tok Janggut Pejuang Jihad di Kelantan berdasarkan agama

a. Menentang

- i. campur tangan British dalam pentadbiran Kelantan.
 - ii. Menentang **pelbagai cukai** tanaman yang dikenakan oleh British dan peraturan tanah yang membebankan.
 - iii. Kesukaran membayar cukai di pejabat bayaran yang terletak jauh di bandar.
- b. Pada tahun 1915, penentangan yang lebih dikenali sebagai '**Perang Tok Janggut**' telah bermula selepas Pembunuhan Sarjan Che Wan yang cuba menangkap Tok Janggut yang gagal membayar cukai.
- c. Tok Janggut menawan balai polis **Pasir Puteh** dan menubuhkan kerajaan sementara (Ungku Besar Tuan Ahmad dilantik sebagai Raja dan dirinya sendiri sebagai Perdana Menteri).
- d. Dalam pentempuran di Kampung Dalam Pupuh Saring, Tok Janggut dan beberapa orang pengikutnya terbunuh.
- e. Untuk mengelakkan kebangkitan seterusnya, Orang Murut dipaksa bersumpah taat setia.

11. Haji Abdul Rahman Limbong Pejuang Tani di Terengganu (berdasarkan agama)

- a. **Membela nasib petani dan menentang keras perubahan dalam pentadbiran tanah** yang telah diperkenalkan oleh British. Menentang penguatkuasaan undang-undang binatang buas.
- b. Mengatakan bahawa tanah yang diusahakan adalah hak Allah akibat pengaruh pemimpin agama.
- c. Penduduk dikehendaki mendapatkan **pas kebenaran** daripada kerajaan sebelum mengerjakan tanah.
- d. Pada tahun 1925, seramai 300-500 petani berkumpul di Kuala Telemong untuk membersihkan 200 ekar tanah milik Tengku Nik Maimurah dan 400 ekar tanah kerajaan dengan alasan ingin memajukan tanah tersebut tanpa kebenaran untuk menentang pas kerajaan.
- e. Pada tahun 1928, 1000 petani menyerang balai polis Kuala Berang dan menaikkan bendera merah.
- f. Kebanyakan pemimpin dipenjarakan tetapi Haji Abdul Rahman Limbong dibuang negeri ke Makkah kerana beliau sangat berpengaruh. Beliau dituduh menghasut dan mencetuskan kebangkitan.
- g. British bimbang dengan penentangan di Kelantan dan Terengganu yang menggunakan unsur agama. (**Perang Jihad**)

12. Pengajaran daripada perjuangan rakyat ialah

- a. Berwaspada terhadap anasir luar.
- b. Bekerjasama menegakkan undang-undang
- c. Memperkasakan diri untuk kedaulatan bangsa.

13. Pejuang-pejuang tempatan digelar pembela tanah air tetapi digelar pemberontak oleh British kerana pendapat berlainan. British menggunakan tipu-helah kekuatan tentera dan kuatkuasa undang-undang untuk melumpuhkan mereka.

1. Maksud Semangat Kebangsaan (antipenjajah)

- a. Semangat kebangsaan atau Nasionalisme bermaksud **perasaan cinta dan taat setia** terhadap bangsa dan tanah air.

- b. Berjuang menebus maruah bangsa, menentang penjajah serta membentuk masa depan bangsa dan negara untuk membentuk negara yang merdeka dan berdaulat.
- c. Lebih ketara di pantai Barat semenanjung Tanah Melayu kerana penduduk pantai barat lebih terdedah kepada pengaruh luar.
2. **Perkembangan Negara Luar Memberi Inspirasi Perjuangan (menyemarakkan semangat kebangsaan / Nasionalisme kebangsaan di tanah air). Iktibar : bijak mengelakkan penjajahan.**
- a. **Pengaruh dari Mesir:**
- Gerakan Pemulihan Islam/Islah yang dipelopori oleh Sayid Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abdul mempengaruhi **kebangkitan semangat kebangsaan** di Tanah Melayu. Pengaruh ini disebar oleh pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di Mesir setelah kembali ke Tanah Melayu.
- b. **Kemerosotan Empayar Turki Uthmaniyah**
- Gerakan Pan Islam / Turki Muda bertujuan untuk menyatukan semua umat Islam di seluruh dunia selepas kekalahan Turki untuk menentang penjajahan asing.
- c. **Pengaruh dari Filipina:**
- 1892, Jose Rizal telah menubuhkan Liga Filipina untuk memajukan rakyat dan menentang penjajahan Sepanyol.
- d. **Pengaruh dari China**
- Kejayaan Dr. Sun Yat Sen menggulingkan Dinasti Manchu dalam revolusi pada tahun 1911 dengan penubuhan Republik China.
- e. **Pengaruh dari India**
- Perjuangan Mahatma Gandhi di India sejak tahun 1919 untuk membebaskan India daripada jajahan British.
- f. **Pengaruh dari Indonesia**
- Soekarno telah memimpin Parti Nasional Indonesia (PNI) menentang kuasa penjajah Belanda pada 1927.
- g. **Kekalahan Rusia kepada Jepun dan British di Singapura kepada Jepun**
- Menunjukkan kuasa barat tidak sekuat disangka / Barat dan Timur tiada berbeza (menyemarakkan semangat Nasionalisme / Kebangsaan di Tanah Melayu). (Iktibar: Kita mesti mempunyai keyakinan.)
3. **Gerakan Islah oleh Syeikh Muhd Abduh dan Sayid Jamaluddin al-Afghani mencetuskan Semangat Kebangsaan di Tanah Melayu.**
- a. Pelajar-pelajar Melayu lulusan dari Timur Tengah khasnya pelajar di Universiti Al-Azhar, Mesir seperti Syed Syeikh al-Hadi, Haji Abbas bin Mhd Taha dan Syeikh Mhd Tahir bin Jalaluddin terpengaruh dengan gerakan Pemulihan Islam.
- b. Setelah kembali ke Tanah Melayu, Kaum Muda ini menyebarkan idea tentang **pemulihan / pembaharuan Islam** melalui **Gerakan Islah** di madrasah-madrasah kepada masyarakat tempatan untuk **mengatasi kemunduran orang Melayu** melalui madrasah-madrasah dan berpegang kepada Al-Quran.
- c. Menerbitkan majalah **Al-Iman** (berdasarkan **Islam sebenar**, al-Quran dan Hadis) untuk **mengetepikan adat resam dan kepercayaan karut**, menekankan kepentingan sejarah, pendidikan dan ekonomi untuk kemajuan.

- d. Perjuangan **Kaum Muda** diteruskan oleh akhbar lain seperti Neracha, Al-Ikhwan, Pengasuh dan Saudara yang berdasarkan **pemulihan Islam** (untuk mengatasi kemunduran orang Melayu.)
- e. Idea pembaharuan / pemodenan Islam **Kaum Muda** mendapat tentangan daripada Kaum Tua.
- f. Kaum Tua menerbitkan akhbar **Suara Benar** dan **Lidah Benar** untuk menentang idea pemulihan Kaum Muda.
4. **Intelektual Mematangkan Perjuangan / menyemarakkan semangat perjuangan**
- a. **Pelajar Melayu Lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).**
- Lahirnya golongan Nasionalisme akibat galakkan daripada pencyarah, tidak puas hati dengan sistem pemerintahan Inggeris dan terdedah kepada majalah dan surat khabar politik Indonesia.
 - Mereka menerbitkan akhbar **Warta Melaya** (Akhbar Kebangsaan pertama) dan **Majlis** sebagai wadah **perjuangan mereka** menentang British.(mengkritik penjajah).
 - Antara tokoh Nasionalisme tersebut ialah Harun Aminurrashid, Ibrahim Haji Yaakob dan Abdul Hadi Hassan.
 - Menubuhkan Kesatuan Melayu Muda untuk menentang British.
- b. **Pelajar Melayu lulusan Inggeris**
- Mereka menyeru orang Melayu berusaha dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan politik untuk memajukan diri sendiri (tidak berdasarkan agama).
 - Menubuhkan Kesatuan Melayu Singapura dan kesatuan-kesatuan Melayu di Tanah Melayu dan Sarawak.
 - Antara tokoh daripada golongan ini ialah Raja Chulan, **Mohammad Eunus Abdullah, Dato' Onn Jaafar** dan Ishak Haji Muhammad, Ibrahim Haji Yaakob **berjuang dengan menubuhkan persatuan.**
5. **Perjuangan Nasionalisme melalui Mata Pena**
- a. Akhbar dan majalah menjadi tempat untuk orang ramai menyuarakan pendapat mereka (perasaan curiga) menentang dan **mengkritik British** serta membangkitkan kesedaran, menghapuskan semangat kenegerian dan menekan kepentingan ekonomi, pentadbiran dan pendidikan.
- b. **Al Imam** – bermaksud pemimpin
- Diterbitkan oleh Kaum Muda
 - Pengasasnya ialah Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Muhammad Taha bin Jalaludin, Haji Abbas bin Muhammad Salim al-Kalali
 - Menyeru orang Melayu mengikut ajaran Al-Quran dan Hadis (Islam sebenar), pemulihan Islam atau pemodenan Islam untuk **memajukan diri** / mengetepikan kepercayaan kolot dan adat resam.
- c. **Saudara**
- Diterbitkan pada tahun 1928 oleh Syed Syeikh al-Hadi.
 - Peranan utamanya ialah menyeru orang Melayu **memajukan diri dan menekankan kepentingan ilmu pengetahuan.**
- d. **Antara akhbar-akhbar lain ialah:**
- Warta Malaya, Fajar Sarawak, Majlis dan Utusan Melayu.
- e. **Akhbar berbahasa Cina**
- Nanyang Siang Pau, Sin Chiew Jit Pau dan The Modern Daily News
- f. **Akhbar berbahasa Tamil**

- Ulaga Nesan, Tamil Nesan dan Tamil Murasu.

g. **Akhbar Cina / Tamil**

- menyiarkan perkembangan **politik negara asal**, masalah sosial ekonomi, iklan perniagaan dan berita ringkas di Tanah Melayu tetapi bukan perkembangan politik di Tanah Melayu.
- Kejayaan Revolusi 1911 yang menggulingkan Dinasti Manchu di China telah menguatkan semangat kebangsaan masyarakat Cina terhadap Negara China.
- Masyarakat India pula lebih tertarik dengan perjuangan Mahatma Gandhi menentang penjajahan British di India.

h. Akhbar golongan Cina Peranakan, Akhbar India Peranakan / Jawi Peranakan

- Menyiarkan hal-ehwal masyarakat mereka di Tanah Melayu.

i. **Akhbar Jawi Peranakan**

- Sekolah Melayu, Taman Pengetahuan di Tanjong Penagri

6. **Kesedaran Kebangsaan melalui Penulisan Kreatif**

a. **Kebanyakan puisi dan cerpen/novel bertemakan:**

- Semangat cinta akan tanah air.
- Nasib** dan mempertahankan maruah bangsa.
- Semangat perjuangan / kesedaran kebangsaan (patriotisme)**
- merebut peluang ekonomi

Pengarang	Tajuk Puisi
Harun Aminurrashid	Oh! Bangsaku Perwira Melayu
Muhammad Yusuf Harun	Dunia yang Fana di kaki Gunung
Omar Mustaffar	Bangkitlah

b. **Cerpen**

Cerpenis	Tajuk Cerpen
Abdul Rahim Kajai	Cerita Awang Putat
Shamsuddin Salleh	Cermin Keinsafan

c. Ishak bin Haji Muhammad banyak menghasilkan **novel** berbentuk politik dan **semangat kebangsaan / kesedaran politik / anti penjajah / membela nasib dan mengkritik dan menentang dasar British** seperti:

- Putera Gunung Tahan** (1937)
- Anak Mat Lela Gila** (1941)
- Rumah Besar Tiang Sebatang
- Hikayat Faridah Hanum** (mementingkan pendidikan kepada wanita) oleh Syed Sheikh Ahmad al-Hadi.

d. Antara novel dan cerpen yang dihasilkan sebelum Perang Dunia Kedua:

Pengarang	Tajuk
Abdul Kadir bin Ahmad	Melati Kota Bharu
Ahmad bin Abdullah	Keris Melaka
Harun Aminurrashid	Melor Kuala Lumpur

7. **Kesatuan Melayu Singapura** (1926)
(berpendidikan Inggeris)

- a. Diasaskan oleh Mohammad Eunos bin Abdullah.

- b. Menggalakkan orang Melayu mengambil bahagian dalam urusan **pentadbiran**, **kemajuan politik** dan **pendidikan** orang Melayu (tidak berdasarkan agama).
- c. Menuntut hak kepentingan orang Melayu.
8. **Persatuan Melayu Selangor** (paling aktif)
- a. Dipimpin oleh Tengku Ismail bin Tengku Mohd Yassin.
- i. Mendesak British melantik lebih ramai pegawai Melayu.
- ii. Keanggotaan Askar Melayu ditambah.
- iii. Angkatan tentera laut dan udara ditubuhkan,
- b. **Persatuan Melayu Selangor** bersama-sama dengan **Kesatuan Melayu Singapura** menganjurkan **Kongress untuk perpaduan** kebangsaan dan kemajuan orang Melayu.
- i. Kongress Melayu yang pertama di Kuala Lumpur.
- ii. Kongress Melayu yang kedua di Singapura.
- iii. Kongress Melayu yang ketiga dibatalkan kerana penjajahan Jepun.
- c. Kesemua Kesatuan Negeri-negeri dibentuk bertujuan:
- i. meningkatkan taraf social.
- ii. mengukuhkan kedudukan ekonomi
9. **Persaudaraan Sahabat Pena (1934)**
- a. Pada tahun 1934, para penulis telah menubuhkan **Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM)** dengan tujuan untuk **mengukuhkan semangat perpaduan** dikalangan **orang Melayu** dan memupuk minat membaca. Mengadakan persidangan / kongress kebangsaan untuk memupuk semangat perpaduan.
- b. Pada tahun, 1935, Persaudaraan Sahabat Pena dikenali sebagai Persatuan Sahabat Pena Melayu (PASPAM) ditubuhkan.
- c. British berasa bimbang dengan jumlah ahli PASPAM yang terus meningkat iaitu jumlahnya dari 2000 dan meningkat sehingga 12 000 orang.
10. **Kesatuan Melayu Muda (1938) KMM**
- a. Diasaskan oleh Ibrahim Haji Yaakob. Kebanyakan anggota ialah guru-guru lepasan MPSI seperti **Mustapha Hussain dan Ahmad Boestaman** adalah antara pemimpin KMM.
- b. Merupakan pertubuhan politik yang pertama di Tanah Melayu
- c. Tujuan utama penubuhannya:
- i. Menggabungkan orang Melayu (perpaduan) memperjuangkan kepentingan dan hak orang Melayu
- ii. Menggulingkan penjajahan British dan **memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu** serta bersifat radikal kerana menyuarakan penentangan secara terbuka kepada British.
- iii. Menyokong Konsep Melayu Raya, iaitu penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia.
- iv. Mengadakan pakatan sulit dengan Jepun untuk menentang British dan memperoleh kemerdekaan.
- d. Menerbitkan akhbar Warta Malaya yang anti-British.
- e. Akhirnya, diharamkan oleh Jepun kerana memberi maklumat kepada PKM untuk menentang Jepun.
- f. Kesatuan Melayu Muda dengan Kesatuan Melayu Singapura mengadakan **Kongress Melayu** untuk mencapai **perpaduan**.
11. **Persatuan India Pusat Tanah Melayu.**
- a. Ditubuhkan di Taiping 1906 masyarakat India dapat menyuarakan kehendak mereka kepada British.
- b. **Memperjuangkan kepentingan dan hak orang India di Tanah Melayu.**
12. **Akhbar dan majalah** sangat berkesan untuk membangkitkan semangat kebangsaan kerana:
- a. Murah dan mudah diperolehi.
- b. Ramai rakyat yang celek huruf.
- c. mudah disalur kepada rakyat.